

Farah Ain Cipta Sejarah STPM Labuan



Farah Ain Nabilla binti Roslizar mencipta sejarah sebagai pelajar pertama Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan yang mencapai prestasi sempurna Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 4.00 dalam peperiksaan STPM 2018.

Ini adalah pencapaian terbaik sejak STPM Modular dilaksanakan mengantikan STPM Terminal.

Farah Ain mendapat gred A dalam semua mata pelajaran yang diambil iaitu Sejarah, Ekonomi, Pengajian Am dan Geografi.

Farah Ain kini menetap bersama keluarga di Kampung Sungai Labu WP Labuan, ayahnya Roslizar Mohd Zubir, seorang pesara tentera dan ibunya Puan Nuri Hj Ishak seorang suri rumah.

Anak bongsu daripada dua orang adik beradik ini

bersekolah di SK Pangkalan TLDM Lumut Perak dan telah mencapai 4A 1B dalam UPSR. Seterusnya Farah Ain bersekolah di SMK Mutiara WP Labuan dan telah mencapai 8A 3C dalam PT3, dan mencapai 7A 2B dalam peperiksaan SPM.

Berhasrat untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang pendidikan dan bercita-cita menjadi seorang guru. Farah Ain merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pensyarah Pusat Tingkatan Enam yang telah mendidiknya dengan penuh dedikasi, juga kepada kedua ibu bapa serta keluarga yang banyak memberi dorongan dan sokongan untuk mencapai kejayaan cemerlang.



Farah Ain Nabilla binti Roslizar

Tidak lupa kepada rakan-rakannya yang banyak membantu dan sentiasa bersamanya di kala susah dan senang. Kejayaan ini juga adalah kejayaan milik bersama.

Seramai 43 orang daripada 138 pelajar Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan telah berjaya mencapai keputusan PNGK

3.00 hingga 4.00. Peratus lulus penuh juga meningkat daripada 97.50% pada tahun 2017 kepada 98.55% pada tahun 2018.

Pengetua SMK Labuan Ismail Abdullah menjangkakan peningkatan jumlah pelajar yang akan memasuki Tingkatan Enam tahun ini.

Walaupun menghadapi cabaran seperti infrastruktur dan bahan sumber pembelajaran yang agak sukar didapati di WP Labuan, para pensyarah Pusat Tingkatan Enam SMK Labuan sentiasa mencari *alternative* untuk mengatasi cabaran-cabaran tersebut dan sentiasa komited untuk mencapai kejayaan lebih cemerlang.

Encik Ismail juga berharap jumlah pelajar yang layak melanjutkan pelajaran ke IPT akan meningkat berbanding 75 orang pada tahun sebelumnya.

Pelajar-pelajar yang kurang bernasib baik dari segi pencapaian akademik juga akan dibantu dari segi khidmat nasihat tentang peluang-peluang yang boleh diceburi selepas ini berdasarkan potensi masing-masing kerana warga SMK Labuan sentiasa berpegang kepada slogan “Setiap Murid Bernilai”

Berita Oleh : SMK Labuan



Encik Raisin Saidin menyerahkan keputusan STPM kepada Encik Ismail